

Tuduhan Pas berniat jahat: PM

Oleh Norbakti Alias dan Hassan Omar

JITRA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Pas menyamakan Umno dengan Yahudi dan komunis sebagai tuduhan melampau serta jahat yang sengaja dilakukan akibat ketandusan modal politik.

Perdana Menteri berkata, Pas sanggup melemparkan fitnah, termasuk kononnya beliau menghabiskan RM3 juta wang rakyat ketika bercuti selama sebulan baru-baru ini, untuk membangkitkan kebencian rakyat bagi kepentingan politik parti berkenaan.

Beliau berkata, tuduhan berkenaan adalah perbuatan khianat, sama seperti mereka yang menuduh orang Islam lain murtad tanpa usul periksa.

“Pas memang tidak segan silu menuduh Umno sebagai Yahudi dan komunis, kononnya Umno bertanggungjawab menyebabkan kematian Ibrahim Libya dan 13 penyokong Pas dalam peristiwa Memali.

“Wahai ahlu-fitnah, hentikanlah daripada melemparkan fitnah ini. Tak baik, terutama fitnah kepada orang Islam oleh orang Islam sendiri.

Dr Mahathir mencabar Pas mengemukakan bukti atas tuduhan kononnya beliau menghabiskan wang rakyat sebanyak RM3 juta ketika bercuti di Antartika

parkan fitnah ini. Tak baik, terutama fitnah kepada orang Islam oleh orang Islam sendiri.

“Dalam al-Quran pun ada menyebut perbuatan fitnah adalah lebih buruk daripada membunuh,” katanya ketika berucap di hadapan lebih 3,000 ahli parti komponen Barisan Nasional (BN), di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir juga berkata, tuduhan kononnya beliau menghabiskan wang rakyat sebanyak RM3 juta ketika bercuti di Antartika tidak benar sama sekali kerana beliau menggunakan wang sendiri.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mencabar Pas mengemukakan bukti dan jika

gagal, Pas perlu berani berjanji untuk tidak mengulangi perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

Perdana Menteri berkata, Pas yang kononnya menggunakan Islam untuk kepentingan politik, bukan setakat mengkhianati agama, bangsa dan negara, malah memecahbelahkan perpaduan umat Islam.

“Apakah kejayaan Pas kalau bukan memecahbelahkan orang Melayu. Pas juga mengganggu pelajar di universiti dan mencipta ibadat tertentu dengan mengatakan sesiapa yang mengundi Pas akan masuk syurga,” katanya.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dilaporkan menuduh Umno sama seperti Yahudi dan komunis kerana membunuh ulama ketika berceramah di Kempas, Johor Bahru, minggu lalu.

Fadzil yang menuduh Umno bertanggungjawab kononnya membunuh Ibrahim Libya dalam peristiwa Memali pada 19 November 1985, berkata Pas tetap menyifatkan kematian Ibrahim Libya dan 13 penyokong Pas sebagai syahid.

Sementara itu, ketika berucap kepada kira-kira 10,000 rakyat dalam program Mesra Rakyat, di Padang Awam Sik, petang ini, Dr Mahathir berkata, Pas cuba mempengaruhi rakyat dengan mendakwa kononnya Kelantan adalah Serambi Makkah, sedangkan Kerajaan Pas Kelantan tidak mampu membawa kemajuan.

Dr Mahathir juga berkata, rakyat perlu menolak dakyah yang dilemparkan golongan ekstrimis kononnya kerajaan ingin menghapuskan pembelajaran di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Perdana Menteri berkata, umat Islam negara ini harus mengambil iktibar kelemahan menentang penindasan terhadap umat Islam seluruh dunia akibat perpecahan perpaduan sesama Islam.